



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 Jd. 2(8)
Tarikh : 28 Februari 2017

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
PULAU PINANG

Tuan,

**PENURUNAN KUASA MELULUS PEMBAHARUAN KAD PENDAFTARAN
NELAYAN KE PERINGKAT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG
(PEKELILING PELESENAN BIL. 3/2017)**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan Prk.PP 05/76 (42) bertarikh 21 Januari 2017 adalah dirujuk.

2. Seperti tuan sedia maklum, pihak tuan telah mengemukakan permohonan untuk diberi penurunan kuasa bagi tujuan meluluskan pembaharuan kad pendaftaran nelayan di peringkat daerah bagi negeri Pulau Pinang.
3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **kuasa melulus** oleh Ketua Daerah Perikanan (KDP) di semua Pejabat Perikanan Daerah (PPD) di Pulau Pinang **dikembalikan semula** bagi tujuan **pembaharuan kad pendaftaran nelayan**. Kelulusan ini adalah susulan daripada permohonan PPN Pulau Pinang untuk mempercepatkan urusan pembaharuan kad pendaftaran nelayan. Oleh itu, PPN Pulau Pinang hendaklah memastikan dan menjalankan pemantauan berterusan di peringkat daerah agar mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) serta Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan yang telah ditetapkan.

4. Selaras dengan itu, pihak puan diminta untuk membuat makluman dan hebahan kepada setiap kakitangan pelesenan diperingkat negeri dan daerah serta pihak berkepentingan secara menyeluruh mengenai dasar baru ini yang dilaksanakan berkuatkuasa **SERTA-MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh itu, Pekeliling Pelesenan Bil. 4/2016 bertarikh 15 April 2016 adalah **TERBATAL**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k. :

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)


Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan, Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia

Ketua Unit Komunikasi Korporat

- Mohon pihak tuan untuk memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.

 Semua Pegawai Perikanan, Bahagian Pengurusan Sumber